**LAMPIRAN A**

**SPESIFIKASI TEKNIKAL**

**SEBUTHARGA BIL. 10/2018 :**

**PERKHIDMATAN PELAKSANAAN PROGRAM *WOMEN NETPRENEUR* 2018 – 2019 (BENGKEL LATIHAN, PENGANGKUTAN, PENGINAPAN DAN MAKAN & MINUM)**

---

## 1. Maklumat Projek

SME Corp. Malaysia dengan kerjasama *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) dan Gorgeous Geeks telah melancarkan Program *Women Netpreneur* pada 2 Mei 2017. Bagi tahun 2017, Program ini telah dilaksanakan dalam enam (6) siri latihan digital komprehensif dari bulan Mei sehingga November 2017 di sekitar Lembah Klang. Latihan yang dijalankan dengan kerjasama penyedia platfom *eCommerce* iaitu *Shopee, 11th Street, Lelong, Facebook, Buy Malaysia (MPay)* dan *Global Halal Data Pool* ini telah memberi manfaat kepada 609 orang usahawan wanita. Berdasarkan keberkesanan dan permintaan tinggi terhadap Program *Women Netpreneur* ini serta matlamat untuk memperluaskan capaian berkaitan perniagaan digital secara menyeluruh, pelaksanaan Program ini dipanjangkan kesemua Wilayah di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Bagi tahun 2018, pelaksanaan Program merangkumi 10 siri dengan sasaran peserta keseluruhan seramai 1,000 orang.

## 2. Objektif

Objektif Program ini adalah untuk membantu usahawan wanita memanfaatkan teknologi bagi memulakan dan mengembangkan perniagaan secara dalam talian. Program ini juga bertujuan untuk meningkatkan daya saing dan produktiviti PKS melalui sesi perkongsian maklumat Aplikasi Penggunaan Digital & Latihan Praktikal eCommerce serta Bengkel Perniagaan Digital.

<table>
<tr><th>BIL</th><th>BUTIR-BUTIR KERJA</th><th>PEMATUHAN<br>(Sila √ atau x)</th><th>CATATAN *</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Membuat persediaan pelaksanaan keseluruhan Program yang melibatkan 10 siri latihan (2 hari) bermula November 2018 – Disember 2019 seperti butiran di bawah:<br><table><tr><th>Fasa</th><th>Lokasi</th></tr><tr><td rowspan="5">Fasa 1:Perkongsian Maklumat dan Latihan Praktikal Penggunaan Aplikasi Digital</td><td>Pulau Pinang</td></tr><tr><td>Johor</td></tr><tr><td>Terengganu</td></tr><tr><td>Kuching, Sarawak</td></tr><tr><td>Miri, Sarawak</td></tr><tr><td></td><td>Kota Kinabalu, Sabah</td></tr></table></td><td></td><td></td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>BIL</th><th>BUTIR-BUTIR KERJA</th><th>PEMATUHAN<br>(Sila √ atau x)</th><th>CATATAN *</th></tr>
<tr><td></td><td><table>
<tr><th>Fasa</th><th>Lokasi</th></tr>
<tr><td rowspan="2"></td><td>Tawau, Sabah</td></tr>
<tr><td>Kuala Lumpur</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Fasa 2:<br>Bengkel Perniagaan Digital</td><td>Kuching / Kota Kinabalu</td></tr>
<tr><td>Kuala Lumpur</td></tr>
</table>
Pelaksanaan Program mestilah berdasarkan objektif dan matlamat yang telah ditetapkan oleh Sekretariat Program.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Menyediakan modul kandungan Program bagi setiap lokasi yang merangkumi persediaan bersama penyedia platfom eCommerce dan agensi kerajaan yang terlibat dan mendapatkan persetujuan serta kelulusan dari Sekretariat Program.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Menguruskan dan membuat pembayaran bagi penyediaan rangkaian Wi-Fi yang dilengkapi dengan jalur lebar (Broadband) berkuasa tinggi dan stabil untuk kegunaan semasa Program berlangsung.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Menguruskan dan membuat pembayaran bagi penyediaan komputer riba sebanyak 50 unit untuk tujuan kegunaan peserta bagi setiap siri Program. Komputer riba yang disediakan mestilah bersesuaian dengan rangkaian Wi-Fi yang disediakan dan mempunyai sekurang-kurangnya perisian asas Microsoft Office.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Menguruskan penyediaan manual latihan bercetak beserta fail yang bersesuaian sebanyak 150 unit bagi tujuan kegunaan peserta bagi setiap siri Program.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>6.</td><td>Menguruskan dan membuat pembayaran penyediaan makanan & minuman (minum pagi, makan tengahari dan minum petang) untuk 150 orang bagi setiap siri Program.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>7.</td><td>Menyediakan 3 orang penceramah bagi setiap siri Program termasuk pembayaran perkhidmatan, penginapan (sekurang-kurangnya hotel bertaraf 3 bintang) selama 1 malam (Bilik Standard Queen / Standard Superior) dan pengangkutan (darat/udara - yang mana berkaitan). Cadangan penceramah</td><td></td><td></td></tr>
</table>

| BIL | BUTIR-BUTIR KERJA | PEMATUHAN (Sila √ atau x) | CATATAN * |
|---|---|---|---|
| | tertakluk kepada kelulusan SME Corp. Malaysia. | | |
| 8. | Menguruskan dan membuat pembayaran bagi penyediaan penghantaran manual latihan dan peralatan latihan yang berkaitan bagi setiap siri Program. | | |
| 9. | Menguruskan penyediaan bahan dan peralatan bengkel (termasuk pencetak, projektor, carta flip, skrin, alat tulis & keperluan logistik lain yang berkaitan) bagi setiap siri Program. | | |
| 10. | Menyediakan Laporan Keseluruhan Program beserta hasil analisa maklumbalas peserta 2 minggu selepas tamat keseluruhan Program. | | |
| 11. | Berpengalaman luas dalam menguruskan Program yang berkaitan *e-commerce* dan *digitalisation*. (sila lampirkan dokumen sokongan). | | |
| 12. | Sekiranya terdapat perubahan kepada lokasi serta pengurusan bagi perkara 2 – 10, pihak SME Corp. Malaysia berhak membuat perubahan seperti yang diperlukan tanpa sebarang kos tambahan. | | |
| 13. | Menguruskan *last minute request* atau perkara berbangkit daripada Sekretariat Program dari semasa ke semasa tanpa sebarang kos. | | |

* sila nyatakan di ruangan ini jika terdapat maklumat tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan Kertas Cadangan Projek jika ruang tidak mencukupi

**Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar.**

........................................................

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Syarikat :